



ASMA Ismail (belakang, tengah) bersama para pemenang Kejujutan Debat Piala Naib Canselor USIM 2014 di Nilai, dekat Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Pusat Tamhidi juara Debat Piala Naib Canselor USIM 2014

SEREMBAN 18 Mac - Kejujutan Debat Piala Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memasuki edisi ke-7 penganjurannya menyaksikan Pusat Tamhidi dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Kejujutan anjuran Kelab Debat USIM dengan kerjasama Unit Kepimpinan Bahagian Hal Ehwal Pelajar bermula 7 hingga 9 Mac lalu itu terbahagi kepada tiga kategori iaitu bahasa Melayu (18 pasukan), bahasa Inggeris (17 pasukan) dan bahasa Arab (17 pasukan).

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, kejujutan itu merupakan platform terbaik bagi pihak universiti untuk mencari pelapis debator.

"Inisiatif ini secara tidak langsung turut berupaya melahirkan insan yang lebih berwibawa selain

lebih ramai pendebat berbakat yang dapat menaikkan nama USIM.

"Institusi pengajian kita juga tidak ketandusan legasi pendebat terbilang dalam meneruskan kecemerlangannya mengharumkan nama universiti di peringkat domestik dan antarabangsa" katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah Kejujutan Debat Piala Naib Canselor 2014 di USIM, Nilai di sini baru-baru ini.

Kemuncak kejujutan adalah Pertandingan Akhir Debat Bahasa Melayu yang menemukan pendebat dari Pusat Tamhidi selaku pencadang dan Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) selaku pembangking memperdebatkan usul bertajuk *Media Sosial Wajar Disekat*.

Kepetahan serta hujah bernas

yang dilontarkan pendebat muda Pusat Tamhidi membolehkan mereka muncul sebagai Johan bagi Kategori Bahasa Melayu dan FSU sebagai Naib Johan.

Sementara itu, bagi kategori bahasa Arab, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) muncul johan menewaskan pendebat FSU manakala Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) mengungguli kategori Bahasa Inggeris menewaskan Pusat Tamhidi.

Johan dan Naib Johan bagi setiap kategori masing-masing menerima wang tunai RM500 dan RM300 berserta sijil penghargaan manakala Pendebat Terbaik menerima wang tunai RM50.

Penuntut Pusat Tamhidi, Ikmal Jamaluddin terpilih sebagai Pendebat Terbaik Pertandingan Akhir Debat Bahasa Melayu.